THREE LEGS WOUND-KARE ANTISEPTIC CREAM

Cetrimide 0.5%w/w, Chlorhexidine Gluconate 0.1%w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream
2. Bagaimana Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream
4. Cara menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream
5. Semasa menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Three Legs Wound -Kare Antiseptic Cream

Krim antiseptik dan pembersih untuk digunakan pada luka, calar, lepuh, ragut, selaran angin, selaran matahari, ruam lampin, gigitan serangga, kulit merekah dan gatal.

Bagaimana Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream

Chlorhexidine gluconate adalah antiseptik yang berkesan dengan pelbagai aktiviti terhadap mikroorganisma, termasuk bakteria gram-positif dan gram-negatif, kulat dan virus.
Cetrimide ialah sebatian ammonium kuaterner dengan sifat surfaktan dan antiseptik.

Sebelum menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan guna sekiranya anda alah terhadap sebarang bahan kandungan dalam Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream.

- *Sebelum mula menggunakan*

Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream mengandungi *chlorhexidine*. *Chlorhexidine* diketahui boleh menyebabkan hipersensitiviti, termasuk tindak balas terhadap alahan umum dan kejutan anafilaksis.

Maklumkan kepada pengamal perubatan anda jika anda alah terhadap *chlorhexidine*.
Berhenti menggunakan produk ini dan meminta bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, bengkak, sesak nafas, pening atau degupan jantung yang cepat.

Cetrimide mungkin mempunyai kesan berpanjangan pada proses penyembuhan luka.

Krim Antiseptik Three Legs Wound-Kare tidak serasi dengan bahan anionik (contohnya. sabun)

Kehamilan & Penyusuan:
Tiada data yang mencukupi daripada penggunaan *chlorhexidine gluconate* dan *cetrimide* pada wanita hamil.

Tidak diketahui sama ada *chlorhexidine gluconate* dan *cetrimide* dikumuhkan dalam susu ibu. Tiada data yang mencukupi daripada penggunaan *chlorhexidine* dan *cetrimide* dalam wanita menyusu. Walau bagaimanapun, tidak mungkin produk tersebut dikumuhkan dalam susu ibu kerana produk tersebut kurang diserap. Selepas penggunaan topikal produk, sebagai langkah berjaga-jaga umum, bilas puting dengan air sebelum menyusu.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain

Cara menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream

- *Berapa banyak yang perlu digunakan*

Sapukan krim pada bahagian yang berkenaan dengan lembut 2-3 kali sehari. Basuhkan tangan secara menyeluruh sebelum dan selepas guna.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan* Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Walaupun pengambilan secara tidak sengaja tidak mungkin menyebabkan apa-apa kesan sistemik disebabkan *chlorhexidine gluconate* dan *cetrimide* kurang diserap, pengambilan kepekatan tinggi boleh menyebabkan kerosakan esofagus dan nekrosis dengan simptom seperti loya dan muntah-muntah.

Rawatan keracunan adalah simptomatik; demulcents dan diluent boleh diberikan jika perlu tetapi emesis dan lavage sepatutnya dielakkan. Pertimbangkan untuk menggunakan arang aktif dalam masa satu jam selepas pengingesan. Kortikosteroid boleh mengurangkan edema orofaringeal.

Semasa menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda ambil.
Elakkan terkena mata.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Tanya pengamal perubatan anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream.

Kesan-kesan sampingan

Reaksi kulit yang merengsa dan tindak balas hipersensitiviti terhadap *Chlorhexidine* telah dilaporkan. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan.
Chlorhexidine boleh menyebabkan anafilaksis.

THREE LEGS WOUND-KARE ANTISEPTIC CREAM

Cetrimide 0.5%w/w, Chlorhexidine Gluconate 0.1%w/w

Cetrimide mungkin mempunyai kesan berpanjangan pada proses penyembuhan luka.
Gangguan sistem imun
Kekerapan tidak diketahui:
Hipersensitiviti termasuk kejutan anafilaksis.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).*

Cara penyimpanan dan pelupusan Three Legs Wound-Kare Antiseptic Cream

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada pancaran terus cahaya. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Krim berwarna putih, mudah disapu, melekit dan mempunyai bau cirian.

- *Bahan-bahan kandungan*
- Bahan aktif
  Cetrimide, Chlorhexidine Gluconate

- Bahan-bahan tidak aktif
Chlorocresol, Cetostearyl Alcohol, Cetomacrogol 1000, Liquid Paraffin, White Soft Paraffin, Propylene Glycol & Purified Water.

- *Nombor MAL*
  MALXXXXXX

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak,
Taman Johor,
81200 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
24/06/2024

Nombor siri:
NPRA(R2)23/250